

KEMPEN “Spend & Win Sakura Season with MyPB App”
Terma dan Syarat

Kempen “Spend & Win Sakura Season with MyPB App” (“**Kempen**”) dilancarkan oleh Public Bank Berhad [No. Pendaftaran Syarikat 196501000672 (6463-H)] (“**PBB**”). Terma dan Syarat di bawah (“**Terma dan Syarat**”) akan mengawal Kempen ini.

1. Tempoh Kempen

- 1.1 Kempen ini akan berlangsung dari 12 Mac 2025 hingga 30 April 2025, termasuk kedua-dua tarikh seperti yang ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa (“**Tempoh Kempen**”).

2. Kelayakan Kempen

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada pelanggan individu PBB dan Public Islamic Bank Berhad [No. Pendaftaran Syarikat 197301001433 (14328-V)] (“**PIBB**”) yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas dan telah mendaftar dan mengaktifkan PB SecureSign pada aplikasi mudah alih MyPB (“**Aplikasi MyPB**”) (“**Pelanggan yang Layak**”).
- 2.2 Untuk akaun bersama, Pelanggan yang Layak merupakan pemegang akaun bersama yang namanya pertama dalam akaun bersama seperti yang dinyatakan dalam rekod PBB.
- 2.3 Mereka yang berikut tidak layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini:-
- (a) Pelanggan yang akaunnya telah ditutup, ditamatkan atau digantung sebelum apa-apa hadiah diberikan;
 - (b) Pelanggan yang akaunnya dipegang dengan PBB dan/atau PIBB culas atau tidak disenggara dengan memuaskan seperti yang ditetapkan oleh PBB dan/atau PIBB;
 - (c) Pelanggan yang tidak waras;
 - (d) Pelanggan yang diisytiharkan bankrap atau mempunyai prosiding guaman dalam apa juga bentuk terhadap mereka; dan
 - (e) Pelanggan bukan individu iaitu keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, sekolah dan pertubuhan.

3. Mekanisme Kempen

3.1 Takrifan:-

- (a) “Akaun” bermaksud semua akaun deposit anda yang disenggara dengan PBB dan/atau PIBB dalam Ringgit Malaysia **kecuali** akaun deposit tetap, akaun deposit bertempoh-i dan akaun semasa mata wang asing. Ini termasuk, tetapi tidak terhada pada, semua jenis akaun simpanan dan/atau akaun semasa konvensional dan/atau Islam.

- (b) “Perkhidmatan Alipay+” bermaksud perkhidmatan yang dijalankan melalui Alipay+ Core dan disediakan oleh Pengendali Alipay+ Core yang membolehkan anda membuat bayaran atau memindahkan dana kepada Saudagar melalui Kaedah Bayaran Mod Dikemukakan Saudagar atau Kaedah Bayaran Mod Dikemukakan Pengguna.
- (c) “Alipay+ Core” bermaksud sistem yang digunakan oleh Pengendali Alipay+ Core dan ahli gabungannya untuk menjalankan pemrosesan, pengesahan dan penyelesaian bayaran elektronik serta menyediakan bayaran digital melalui pertukaran maklumat dan bayaran digital rentas sempadan.
- (d) “Pengendali Alipay+ Core” bermaksud Alipay Connect Pte. Ltd. dan semua ahli gabungannya yang mengendalikan Alipay+ Core, termasuk pengganti dan penerima serah hak yang berperanan sebagai rangkaian bayaran dan penyedia infrastruktur berpusat yang dikongsi.
- (e) “Saudagar” bermaksud perniagaan, keempunyaan tunggal, perkongsian, badan berkanun, pertubuhan dan/atau entiti lain yang sama yang menerima bayaran melalui Perkhidmatan Alipay+.
- (f) “Kaedah Bayaran Mod Dikemukakan Saudagar” bermaksud kaedah bayaran melalui QR yang mana Saudagar mempamerkan Kod QR untuk diimbas oleh pengguna atau pelanggan.
- (g) “Minggu Berlangsungnya Kempen” merujuk minggu berlangsungnya kempen semasa Tempoh Kempen seperti yang disenaraikan di bawah:-

Minggu Berlangsungnya Kempen	Tarikh Minggu Berlangsungnya Kempen (termasuk kedua-dua tarikh)
Minggu Pertama	12 Mac 2025 – 18 Mac 2025
Minggu ke-2	19 Mac 2025 – 25 Mac 2025
Minggu ke-3	26 Mac 2025 – 1 April 2025
Minggu ke-4	2 April 2025 – 8 April 2025
Minggu ke-5	9 April 2025 – 15 April 2025
Minggu ke-6	16 April 2025 – 22 April 2025
Minggu ke-7	23 April 2025 – 30 April 2025

- (h) “Kumpulan Public Bank” merujuk PBB, subsidiari PBB dan syarikat yang berkaitan dengan PBB.
- (i) “Urus niaga Runcit yang Layak” merujuk perbelanjaan runcit di luar negeri yang diurusniagakan di Jepun atau Korea Selatan oleh Pelanggan yang Layak menggunakan Perkhidmatan Alipay+ Service melalui Aplikasi MyPB.
- (j) “Bayaran Mod Dikemukakan Pengguna” bermaksud kaedah bayaran QR yang mana pelanggan menunjukkan Kod QR untuk diimbas oleh Saudagar.

Hadiah Tunai Mingguan

- 3.2 Pelanggan yang Layak yang memenuhi Syarat Kelayakan dalam Fasal 3.3 di bawah dan membuat amaun Urus niaga Runcit yang Layak tertinggi dalam urus niaga tunggal berdasarkan rekod PBB dan/atau PIBB untuk Minggu Berlangsungnya Kempen akan dipilih sebagai pemenang untuk Hadiah Tunai sebanyak RM1,188.00 (“Hadiah Tunai”) untuk Minggu Berlangsungnya Kempen itu.
- 3.3 Pelanggan yang Layak dikehendaki memenuhi semua syarat yang berikut (secara kolektif dirujuk sebagai “Syarat Kelayakan”) untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini:-
- (a) Mengekalkan baki purata minimum (“MAB”) sebanyak RM500 dalam setiap Akaun yang digunakan untuk membuat Urus niaga Runcit yang Layak;
 - (b) Berbelanja amaun minimum sebanyak RM200 untuk Urus niaga Runcit yang Layak di mana-mana Saudagar di Jepun dan/atau Korea Selatan dalam urus niaga tunggal;
 - (c) Menyiarkan hantaran awam melalui Instagram (“Hantaran Instagram”) dengan tanda pagar #MyPBSakura 2025 dan sebut @publicbankmy dalam Hantaran Instagram mereka; dan
 - (d) Hantar e-mel kepada innovate@publicbank.com.my yang mengandungi maklumat yang berikut:-
 - Nama Penuh seperti dalam Kad Pengenalan/Pasport;
 - Nombor Kad Pengenalan/Nombor Pasport;
 - Tangkap Layar Hantaran Instagram tersebut; dan
 - Pautan URL Hantaran Instagram tersebut.
- 3.4 Sekiranya Pelanggan yang Layak menggunakan DUA (2) atau lebih Akaun untuk membuat Urus niaga Runcit yang Layak, **SETIAP** Akaun dikehendaki mengekalkan MAB untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini.

Ilustrasi 1: Akaun A Layak untuk Hadiah Tunai

Situasi	Urus niaga Runcit yang Layak Tertinggi yang Dibuat	MAB sepanjang Tempoh Kempen	Status
Pelanggan A menggunakan Akaun A dan membuat Urus niaga Runcit yang Layak	RM5,000	RM600	Akaun A layak untuk Hadiah Tunai

Ilustrasi 1: Akaun A Layak untuk Hadiah Tunai, samb.

Situasi	Urus niaga Runcit yang Layak Tertinggi yang Dibuat	MAB sepanjang Tempoh Kempen	Status
Pelanggan A menggunakan Akaun B dan membuat Urus niaga Runcit yang Layak	RM3,000	RM700	Akaun B tidak layak untuk Hadiah Tunai
Pelanggan A menggunakan Akaun C dan membuat Urus niaga Runcit yang Layak	RM1,000	RM800	Akaun C tidak layak untuk Hadiah Tunai

Ilustrasi 2: Tiada Akaun yang Layak untuk Hadiah Tunai

Situasi	Urus niaga Runcit yang Layak Tertinggi yang Dibuat	MAB sepanjang Tempoh Kempen	Status
Pelanggan A menggunakan Akaun A dan membuat Urus niaga Runcit yang Layak	RM5,000	RM400	Akaun A tidak layak untuk Hadiah Tunai
Pelanggan A menggunakan Akaun B dan membuat Urus niaga Runcit yang Layak	RM3,000	RM400	Akaun B tidak layak untuk Hadiah Tunai
Pelanggan A menggunakan Akaun C dan membuat Urus niaga Runcit yang Layak	RM1,000	RM200	Akaun C tidak layak untuk Hadiah Tunai

Pengiraan MAB dalam Akaun sepanjang Tempoh Kempen adalah seperti yang berikut:-

MAB = Jumlah baki akhir hari sepanjang Tempoh Kempen / Bilangan hari sepanjang Tempoh Kempen.

3.5 Hadiah Tunai dan jumlah bilangan pemenang sepanjang Tempoh Kempen ini adalah seperti yang berikut:-

- (a) Nama para pemenang akan disiarkan melalui laman web dan platform media sosial PBB. Hantaran Instagram para pemenang mungkin disiarkan melalui Laman Instagram dan Facebook PBB dan/atau PIBB.
- (b) PBB tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa salinan, hantaran semula, penghasilan semula, penyiaran dan/atau penggunaan Hantaran Instagram itu.
- (c) Semua Hantaran Instagram mesti TIDAK mengandungi bahan yang (atau mempromosikan aktiviti yang) lucu, tidak senonoh, berunsur pornografi, ganas (misalnya berkaitan dengan pembunuhan, jualan atau penggunaan senjata, kekejaman, penderaan dll.), berunsur diskriminasi (berdasarkan kaum, jantina, agama, asal-usul, kekurangan upaya fizikal, orientasi seksual atau umur), menyalahi undang-undang (misalnya minum minuman beralkohol di bawah umur, penyalahgunaan bahan, penggodaman komputer dll.), menyinggung perasaan, mengancam, menghina atau mengganggu atau sebaliknya tidak sesuai, atas budi bicara mutlak PBB. PBB mempunyai hak untuk membatalkan kelayakan Pelanggan yang Layak atas budi bicara mutlaknya tanpa memaklumkan kepada Pelanggan yang Layak sekiranya Hantaran Instagram tersebut mengandungi mana-mana di atas.

Hadiah	Jumlah Bilangan Pemenang Setiap Minggu Berlangsungnya Kempen	Jumlah Bilangan Pemenang sepanjang Tempoh Kempen
<u>Hadiah Tunai</u> RM1,188	1	7

3.6 PBB tidak akan dipertanggungjawabkan atas apa-apa kelewatan, kerosakan atau e-mel yang tidak diterima berikutan apa-apa sebab yang mungkin mengakibatkan Pelanggan yang Layak tidak layak untuk Hadiah Tunai.

3.7 Ilustrasi kelayakan adalah seperti yang berikut:-

Ilustrasi 1: Pelanggan A akan berpeluang untuk memenangi Hadiah Tunai

Kriteria yang Dipenuhi	
Memenuhi kriteria perbelanjaan (\geq RM200 untuk Urus niaga Runcit yang Layak)	Ya
Menyiarkan Hantaran Instagram yang mematuhi syarat	Ya
E-mel kepada PBB melalui innovate@publicbank.com.my	Ya
Mengekalkan MAB sebanyak RM500 dalam Akaun sepanjang Tempoh Kempen	Ya

Tarikh	Bakir akhir hari harian (RM)	Bil. hari
12 Mac 2025 hingga 1 April 2025	3,000	21
2 April 2025 hingga 22 April 2025	1,500	21
23 April 2025 hingga 30 April 2025	800	8

Tarikh	Huraian	Ilustrasi
12 Mac 2025	Pelanggan A mempunyai baki sebanyak RM3,000 semasa kempen dilancarkan	MAB untuk Tempoh Kempen $= (RM3,000 \times 21) + (RM1,500 \times 21) + (RM800 \times 8) / 50 \text{ hari}$ $= RM2,018.00$ Pelanggan A akan berpeluang untuk memenangi Hadiah Tunai kerana pelanggan ini telah memenuhi Syarat Kelayakan.
2 April 2025	Pelanggan A membelanjakan RM1,500 menggunakan Alipay+ melalui Aplikasi MyPB	
23 April 2025	Pelanggan A membelanjakan RM700 menggunakan Alipay+ melalui Aplikasi MyPB	

Ilustrasi 2: Pelanggan B tidak akan berpeluang untuk memenangi Hadiah Tunai

Kriteria yang Dipenuhi	
Memenuhi kriteria perbelanjaan (\geq RM200 untuk Urus niaga Runcit yang Layak)	Ya
Menyiarkan Hantaran Instagram yang mematuhi syarat	Ya
E-mel kepada PBB melalui innovate@publicbank.com.my	Ya
Mengekalkan MAB sebanyak RM500 dalam Akaun sepanjang Tempoh Kempen	Tidak

Tarikh	Baki akhir hari harian (RM)	Bil. hari
12 March 2025 hingga 1 April 2025	450	21
2 April 2025 hingga 22 April 2025	250	21
23 April 2025 hingga 30 April 2025	50	8

Tarikh	Huraian	Ilustrasi
12 Mac 2025	Pelanggan B mempunyai baki sebanyak RM450 semasa kempen dilancarkan	MAB untuk Tempoh Kempen $= (RM450 \times 21) + (RM250 \times 21) + (RM50 \times 8) / 50 \text{ hari}$ $= RM302.00$ Pelanggan B tidak akan berpeluang untuk memenangi Hadiah Tunai kerana pelanggan ini tidak memenuhi Syarat Kelayakan.
2 April 2025	Pelanggan B membelanjakan RM200 menggunakan Alipay+ melalui Aplikasi MyPB	
23 April 2025	Pelanggan B membelanjakan RM200 menggunakan Alipay+ melalui Aplikasi MyPB	

Ilustrasi 3: Pelanggan C tidak akan berpeluang untuk memenangi Hadiah Tunai

Kriteria yang Dipenuhi	
Memenuhi kriteria perbelanjaan (\geq RM200 untuk Urus niaga Runcit yang Layak)	Ya
Menyiarkan Hantaran Instagram yang mematuhi syarat	Tidak
E-mel kepada PBB melalui innovate@publicbank.com.my	Tidak
Mengekalkan MAB sebanyak RM500 dalam Akaun sepanjang Tempoh Kempen	Ya

Tarikh	Baki akhir hari harian (RM)	Bil. hari
12 Mac 2025 hingga 20 Mac 2025	3,000	9
21 Mac 2025 hingga 4 April 2025	1,500	15
5 April 2025 hingga 18 April 2025	1,300	14
19 April 2025 hingga 30 April 2025	500	12

Tarikh	Huraian	Ilustrasi
12 Mac 2025	Pelanggan C mempunyai baki sebanyak RM3,000 semasa kempen dilancarkan	MAB untuk Tempoh Kempen $= (RM3,000 \times 9) + (RM1,500 \times 15) + (RM1,300 \times 14) + (RM500 \times 12) / 50$ $= RM1,474.00$
21 Mac 2025	Pelanggan C membelanjakan RM1,500 menggunakan Alipay+ melalui Aplikasi MyPB	
5 April 2025	Pelanggan C membelanjakan RM200 menggunakan Alipay+ melalui Aplikasi MyPB	
19 April 2025	Pelanggan C membelanjakan RM800 menggunakan Alipay+ melalui Aplikasi MyPB	
		Pelanggan C tidak akan berpeluang untuk memenangi Hadiah Tunai kerana Pelanggan C tidak memenuhi Syarat Kelayakan.

Ilustrasi 4: Pelanggan D tidak akan berpeluang untuk memenangi Hadiah Tunai

Kriteria yang Dipenuhi	
Memenuhi kriteria perbelanjaan (\geq RM200 untuk Urus niaga Runcit yang Layak)	Tidak
Menyiarkan Hantaran Instagram yang mematuhi syarat	Ya
E-mel kepada PBB melalui innovate@publicbank.com.my	Ya
Mengekalkan MAB sebanyak RM500 dalam Akaun sepanjang Tempoh Kempen	Ya

Tarikh	Baki akhir hari harian (RM)	Bil. hari
12 Mac 2025 hingga 1 April 2025	2,000	21
2 April 2025 hingga 22 April 2025	1,950	21
23 April 2025 hingga 30 April 2025	1,800	8

Tarikh	Huraian	Ilustrasi
12 Mac 2025	Pelanggan D mempunyai baki sebanyak RM2,000 apabila kempen dilancarkan	MAB untuk Tempoh Kempen = (RM2,000 x 21) + (RM1,950 x 21) + (RM1,800 x 8) / 50 hari = RM1,947.00 Pelanggan D tidak akan berpeluang untuk memenangi Hadiah Tunai kerana pelanggan ini tidak memenuhi Syarat Kelayakan.
2 April 2025	Pelanggan D membelanjakan RM50 menggunakan Alipay+ melalui Aplikasi MyPB	
23 April 2025	Pelanggan D membelanjakan RM150 menggunakan Alipay+ melalui Aplikasi MyPB	

3.8 Hadiah Tunai akan dikreditkan dalam akaun semasa/simpanan para pemenang yang disenggara dengan PBB/PIBB dalam tempoh SATU (1) hingga TIGA (3) bulan selepas akhir Tempoh Kempen.

3.9 PBB berhak untuk:-

(a) Menarik balik Hadiah Tunai:-

- i) Sekiranya akaun semasa/simpanan pemenang ditamatkan, digantung atau ditutup; atau
- ii) Akaun semasa/simpanan pemenang dorman sebelum Hadiah Tunai dikreditkan dalam akaun semasa/simpanan pemenang; atau

(b) Menarik balik Hadiah Tunai sekiranya Terma dan Syarat ini, terma dan syarat yang mengawal akaun deposit Pelanggan yang Layak, terma dan syarat yang mengawal Perbankan Dalam Talian dan Perbankan Mudah Alih Public Bank dan mana-mana terma dan syarat yang mengawal perkhidmatan yang digunakan oleh Pelanggan yang Layak, tidak dipatuhi bagi tujuan Kempen ini.

3.10 Hadiah Tunai tidak boleh dipindahkan kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk barang atau kredit lain, sebahagiannya atau sepenuhnya.

Pulangan Tunai Mingguan

3.11 **Lima belas (15)** orang Pelanggan yang Layak terawal yang berbelanja amaun minimum sebanyak RM200 untuk Urus niaga Runcit yang Layak di mana-mana Saudagar di Jepun dan/atau Korea Selatan dalam urus niaga tunggal berdasarkan rekod PBB dan/atau PIBB pada mana-mana Minggu Berlangsungnya Kempen akan memenangi Pulangan Tunai sebanyak RM168 (“Pulangan Tunai”) dengan syarat Pelanggan yang Layak mengekalkan MAB sebanyak RM500 dalam Akaun yang digunakan untuk membuat Urus niaga Runcit yang Layak semasa Tempoh Kempen.

3.12 Pengiraan MAB dalam Akaun sepanjang Tempoh Kempen adalah seperti yang berikut:-

$$\text{MAB} = \frac{\text{Jumlah baki akhir hari sepanjang Tempoh Kempen}}{\text{Bilangan hari sepanjang Tempoh Kempen}}$$

3.13

Pulangan Tunai dan jumlah bilangan pemenang sepanjang Tempoh Kempen ini adalah seperti yang berikut:	Hadiah	Jumlah Bilangan Pemenang setiap Minggu Berlangsungnya Kempen	Jumlah Bilangan Pemenang sepanjang Tempoh Kempen
	<u>Pulangan Tunai</u> RM168	15	105

Pulangan Tunai akan diberikan berdasarkan **penyertaan terawal**.

3.14 Ilustrasi kelayakan adalah seperti yang berikut:-

Ilustrasi 1: Pelanggan A akan berpeluang untuk memenangi Pulangan Tunai

Kriteria yang Dipenuhi	
Memenuhi kriteria perbelanjaan (\geq RM200 untuk Urus niaga Runcit yang Layak)	Ya
Mengekalkan MAB sebanyak RM500 dalam Akaun sepanjang Tempoh Kempen	Ya

Tarikh	Baki akhir hari harian (RM)	Bil. hari
12 Mac 2025 hingga 1 April 2025	2,000	21
2 April 2025 hingga 22 April 2025	1,500	21
23 April 2025 hingga 30 April 2025	600	8

Tarikh	Huraian	Ilustrasi
12 Mac 2025	Pelanggan A mempunyai baki sebanyak RM2,000 apabila kempen dilancarkan	MAB untuk Tempoh Kempen $= (RM2,000 \times 21) + (RM1,500 \times 21) + (RM600 \times 8) / 50 \text{ hari}$ $= RM1,566.00$ <p>Pelanggan A akan berpeluang untuk memenangi Pulangan Tunai kerana pelanggan ini telah memenuhi semua kriteria yang dinyatakan di atas.</p>
2 April 2025	Pelanggan A membelanjakan RM500 menggunakan Alipay+ melalui Aplikasi MyPB	
23 April 2025	Pelanggan A membelanjakan RM900 menggunakan Alipay+ melalui Aplikasi MyPB	

Ilustrasi 2: Pelanggan B tidak akan berpeluang untuk memenangi Pulangan Tunai

Kriteri yang Dipenuhi	
Memenuhi kriteria perbelanjaan (\geq RM200 untuk Urus niaga Runcit yang Layak)	Tidak
Mengekalkan MAB sebanyak RM500 dalam Akaun sepanjang Tempoh Kempen	Ya

Tarikh	Baki akhir hari harian (RM)	Bil. hari
12 Mac 2025 hingga 1 April 2025	2,000	21
2 April 2025 hingga 22 April 2025	1,950	21
23 April 2025 hingga 30 April 2025	1,800	8

Tarikh	Huraian	Ilustrasi
12 Mac 2025	Pelanggan B mempunyai baki sebanyak RM2,000 apabila kempen dilancarkan	MAB untuk Tempoh Kempen $= (RM2,000 \times 21) + (RM1,950 \times 21) + (RM1,800 \times 8) / 50 \text{ hari}$ $= RM1,947.00$
2 April 2025	Pelanggan B membelanjakan RM50 menggunakan Alipay+ melalui Aplikasi MyPB	
23 April 2025	Pelanggan B membelanjakan RM150 menggunakan Alipay+ melalui Aplikasi MyPB	

Pelanggan B tidak akan berpeluang untuk memenangi Pulangan Tunai kerana pelanggan ini tidak memenuhi kriteria perbelanjaan.

Ilustrasi 3: Pelanggan C tidak akan berpeluang untuk memenangi Pulangan Tunai

Kriteri yang Dipenuhi	
Memenuhi kriteria perbelanjaan (\geq RM200 untuk Urus niaga Runcit yang Layak)	Ya
Mengekalkan MAB sebanyak RM500 dalam Akaun sepanjang Tempoh Kempen	Tidak

Tarikh	Baki akhir hari harian (RM)	Bil. hari
12 Mac 2025 hingga 1 April 2025	450	21
2 April 2025 hingga 22 April 2025	250	21
23 April 2025 hingga 30 April 2025	50	8

Tarikh	Huraian	Ilustrasi
12 Mac 2025	Pelanggan C mempunyai baki sebanyak RM450 apabila kempen dilancarkan	MAB untuk Tempoh Kempen = (RM450 X 21) + (RM250 X 21) + (RM50 X 8) / 50 hari = RM302.00 Pelanggan C tidak akan berpeluang untuk memenangi Pulangan Tunai kerana pelanggan ini tidak mengekalkan MAB sebanyak RM500 dalam akaun.
2 April 2025	Pelanggan C membelanjakan RM200 menggunakan Alipay+ melalui Aplikasi MyPB	
23 April 2025	Pelanggan C membelanjakan RM200 menggunakan Alipay+ melalui Aplikasi MyPB	

3.15 Pulangan Tunai akan dikreditkan dalam akaun semasa/simpanan pemenang yang disenggara dengan PBB/PIBB dalam tempoh SATU (1) hingga TIGA (3) bulan selepas akhir Tempoh Kempen.

3.16 PBB berhak untuk:-

(a) Menarik balik Pulangan Tunai:-

- i) Sekiranya akaun semasa/simpanan pemenang ditamatkan, digantung atau ditutup; atau
- ii) Akaun semasa/simpanan pemenang dormant sebelum Pulangan Tunai dikreditkan dalam akaun semasa/simpanan pemenang; atau

(b) Menarik balik Pulangan Tunai sekiranya Terma dan Syarat ini, terma dan syarat yang mengawal akaun deposit Pelanggan yang Layak, terma dan syarat yang mengawal Perbankan Dalam Talian dan Perbankan Mudah Alih Public Bank dan mana-mana terma dan syarat yang mengawal perkhidmatan yang digunakan oleh Pelanggan yang Layak, tidak dipatuhi bagi tujuan Kempen ini.

3.17 Pulangan Tunai tidak boleh dipindahkan kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk barang atau kredit lain, sebahagiannya atau sepenuhnya.

Terma Lain

3.18 Setiap Pelanggan yang Layak hanya layak untuk memenangi SATU (1) Hadiah Tunai atau SATU (1) Pulangan Tunai dalam Kempen ini.

Sekiranya Pelanggan yang Layak layak untuk memenangi sama ada Hadiah Tunai atau Pulangan Tunai pada Bulan Berlangsungnya Kempen yang sama, Pelanggan yang Layak akan diberikan Hadiah Tunai sebagai keutamaan.

- 3.19 Nama para pemenang akan disiarkan melalui laman web PBB dan akan dimaklumkan melalui Paparan Notifikasi melalui Aplikasi MyPB.

4. Terma dan Syarat Am

- 4.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat ini, terma dan syarat yang mengawal akaun deposit Pelanggan yang Layak, terma dan syarat yang mengawal Perbankan Dalam Talian dan Perbankan Mudah Alih Public Bank, terma dan syarat yang mengawal Perkhidmatan Alipay+ dan mana-mana terma dan syarat yang mengawal perkhidmatan yang digunakan oleh Pelanggan yang Layak (termasuk apa-apa pindaan, perubahan dan/atau semakan semula terma dan syarat berkenaan) untuk tujuan Kempen ini. Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini dengan terma dan syarat yang mengawal akaun deposit Pelanggan yang Layak, terma dan syarat yang mengawal Perbankan Dalam Talian dan Perbankan Mudah Alih Public Bank, terma dan syarat yang mengawal Perkhidmatan Alipay+ dan mana-mana terma dan syarat yang mengawal perkhidmatan yang digunakan oleh Pelanggan yang Layak, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai bagi tujuan Kempen ini.
- 4.2 Pelanggan yang Layak bersetuju dan memberi keizinan kepada PBB dan/atau PIBB untuk memproses, mengumpul, menggunakan dan menyimpan semua maklumat mereka bagi tujuan Kempen ini.
- 4.3 Pelanggan yang Layak bersetuju dan memberi keizinan kepada PBB untuk menyiarkan butiran mereka seperti nama pada laman web dan media sosial PBB.
- 4.4 Apa-apa prop, aksesori atau peralatan yang ditunjukkan bersama-sama dengan Hadiah Tunai dan/atau Pulangan Tunai dalam semua bahan bercetak, laman web, aplikasi perbankan mudah alih, platform media sosial atau di cawangan PBB dan/atau PIBB hanyalah untuk tujuan hiasan dan bukan merupakan sebahagian daripada Hadiah Tunai dan/atau Pulangan Tunai.
- 4.5 Pelanggan yang Layak mengakui dan bersetuju bahawa rekod urus niaga yang disenggara oleh PBB dan/atau PIBB dan keputusan PBB dan/atau PIBB berkaitan dengan semua perkara mengenai Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas Pelanggan yang Layak. PBB dan/atau PIBB tidak akan melayani apa-apa rayuan atau surat-menyurat daripada mana-mana Pelanggan yang Layak dan/atau pihak ketiga mengenai apa-apa perkara berkaitan dengan Kempen ini dan Hadiah Tunai dan/atau Pulangan Tunai.

- 4.6 PBB dan/atau PIBB tidak akan dipertanggungjawabkan mahupun menerima apa-apa liabiliti dalam apa jua bentuk dan apa sekalipun yang timbul atau dialami oleh Pelanggan yang Layak dan/atau pihak ketiga yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen dan/atau Hadiah Tunai ini kecuali disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku yang disengajakan oleh PBB dan/atau PIBB secara khusus berkaitan dengan Kempen ini.
- 4.7 PBB dan/atau PIBB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa salah tafsiran atau salah gambaran fakta oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkaitan dengan Kempen ini dan/atau Hadiah Tunai dan/atau Pulangan Tunai yang ditawarkan dan disiarkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan.
- 4.8 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, PBB dan/atau PIBB secara nyata mengecualikan dan menolak apa-apa representasi, jaminan atau pengesahan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa penghadan kepada apa-apa yang diterbitkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad pada apa-apa jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk sesuatu tujuan berkaitan dengan Kempen ini dan/atau Hadiah Tunai dan/atau Pulangan Tunai di bawah Kempen ini.
- 4.9 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, PBB dan/atau PIBB tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kegagalan atau penangguhan dalam transmisi apa-apa urusan niaga yang dijalankan melalui Aplikasi MyPB atau yang dikesan oleh sistem PBB dan/atau PIBB, yang mungkin menyebabkan Pelanggan yang Layak terkeluar daripada proses pemilihan semasa Tempoh Kempen.
- 4.10 PBB berhak untuk untuk membuat penambahan, memotong atau mengubah Terma dan Syarat ini, dari semasa ke semasa, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Pelanggan yang Layak melalui penulisan dalam laman web PBB dan/atau PIBB, meletakkan notis di cawangan PBB dan/atau PIBB atau apa-apa cara lain seperti yang akan ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa dan terma dan syarat yang dipinda itu akan diterima pakai berbanding dengan apa-apa peruntukan atau representasi yang terkandung dalam apa-apa bahan promosi yang mengiklankan Kempen ini; dan
- 4.11 Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini dengan apa-apa bahan pengiklanan, kempen, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan atau berhubung dengan Kempen ini, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai.
- 4.12 PBB berhak untuk membatalkan, menarik balik, menangguhkan, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini sebelum Tempoh Kempen ini tamat, sepenuhnya atau sebahagiannya, pada bila-bila masa, dengan memberi notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pembatalan, penarikan balik, lanjutan, penamatan atau penangguhan Kempen ini tidak akan melayakkan Pelanggan yang Layak untuk apa-apa tuntutan atau ganti rugi terhadap PBB dan/atau PIBB bagi mana-mana dan kesemua kerugian atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Pelanggan yang Layak sama ada diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penarikan balik, penangguhan atau penamatan tersebut.



- 4.13 Terma dan Syarat ini akan dikawal dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah di Malaysia.
- 4.14 Pelanggan yang Layak boleh membaca Notis Privasi PBB dan/atau PIBB yang menyatakan bagaimana PBB dan/atau PIBB menggunakan maklumat Pelanggan yang Layak melalui laman web PBB dan/atau PIBB atau di mana-mana cawangan PBB dan/atau PIBB.
- 4.15 Pelanggan yang Layak diingatkan agar membaca dan memahami Terma dan Syarat ini sebelum mengambil bahagian dalam Kempen ini. Sekiranya terdapat apa-apa terma yang tidak difahami oleh Pelanggan yang Layak, Pelanggan yang Layak dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat bebas dan berbincang lebih lanjut dengan wakil PBB dan/atau PIBB.

[RUANG DI BAWAH INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]